

**Dr. M: Akses dokumen harta wajar
Utusan Online
01 Mac, 2012**

PUTRAJAYA 29 Feb. - Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan keputusan kerajaan memberi kuasa kepada Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapatkan dokumen perisytiharan harta anggota pentadbiran kerajaan termasuk menteri dan keluarga mereka sebagai sesuatu yang wajar.

Menurutnya, perkara itu sememangnya wajar dilakukan oleh semua menteri Kabinet malah amalan mengisytiharkan harta oleh anggota pentadbiran telah dilaksanakan ketika beliau menjadi Perdana Menteri.

"Baguslah. Dulu ahli Kabinet isytihar aset dekat saya, dulu semua orang kena.

"Jadi tak tahulah dulu barangkali semua miskin belaka kerana tidak ada yang memiliki aset berlebihan, melainkan Tun Daim Zainuddin, semasa dia sertai Kabinet dia sudah jadi jutawan, jadi banyaklah duit dia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan rombongan Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Bekas Perdana Menteri itu diminta mengulas keputusan kerajaan kelmarin yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke arah meningkatkan ketelusan pentadbiran Persekutuan.

Dr. Mahathir turut ditanya kenyataan Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Dr. Dzulkefly Ahmad bahawa perpecahan undi di kalangan orang Melayu harus dilihat sebagai satu kebaikan dan hikmah kepada rakyat ini.

Katanya, perpecahan di kalangan orang Melayu merupakan perkara yang disokong oleh Pas sebagai sebuah parti yang lantang memperjuangkan agama Islam di negara ini.

Sementara itu, Dr. Mahathir turut mencabar Pas agar bersedia menerima Penasihat DAP, Lim Kit Siang sebagai salah seorang pemimpin mereka.

"Kalau dulu mereka kata kita kafir, sekarang ini mereka hendak terima orang bukan Islam sebagai pemimpin mereka," katanya.

"Sekarang ini mereka bekerjasama dengan orang bukan Islam pula, jadi mereka patut jadikan Lim Kit Siang sebagai pemimpin.

"Apa salahnya? Dia pun rakyat Malaysia, dia seorang patriot dan dia akan utamakan agama Islam, dia bagi peruntukan untuk buat masjid dan sebagainya," katanya.

Dr. Mahathir berkata, sekarang orang bukan Islam belajar mengenai agama Islam, walaupun tidak Islam tapi mereka tahu agama Islam.

"Boleh bagi syarahan, petik ayat al-Quran pun boleh, jadi orang ini patut jadi Presiden Pas," katanya.

Sementara itu, Ketua Penerangan Mubarak, Datuk Abdul Rahman Sulaiman berkata, ada beberapa isu yang perlu diselesaikan Barisan Nasional (BN) untuk mengembalikan keyakinan rakyat terhadap kerajaan pada pilihan raya akan datang.

Katanya, pertemuan dengan Dr. Mahathir hari ini berkisar kepada soal pilihan raya dan beberapa isu yang dibimbangi memberi kesan kepada sokongan orang Melayu kepada BN selain soal menghentikan amalan sabotaj parti kerana tidak dipilih sebagai calon.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0301&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_02.htm